

Kita model negara Islam terbaik: PM

BH-27/5/2006

TOKYO: Malaysia boleh dijadikan model negara Islam yang mengamalkan pemerintahan berteraskan demokrasi, toleransi antara kaum dan agama serta sentiasa sentiasa berusaha ke arah kemajuan dan pemodenan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata meskipun majoriti rakyat Malaysia adalah orang Melayu dan beragama Islam, ia mengamalkan pemerintahan berdasarkan asas perkongsian kuasa membabitkan semua kaum.

Katanya, berdasarkan asas perkongsian kuasa menerusi satu perikatan besar iaitu Barisan Nasional (BN), segala keputusan membabitkan parti komponen yang mewakili kaum tertentu, akan diputuskan melalui persetujuan bersama.

Beliau berkata, rakyat Malaysia juga meraikan semua perayaan yang disambut setiap tahun seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas dengan mengadakan rumah terbuka serta mengunjungi antara satu sama lain.

"Kita juga sentiasa menggalakkan rakyat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi, bagi membantu memacu pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi.

"Berdasarkan apa yang dilakukan Malay-

sia, tohmahan mengatakan Islam antidemokrasi serta cenderung kepada keganasan dan perbalahan etnik terbukti tidak benar sama sekali," katanya.

Abdullah berkata demikian selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Islam Hadhari: Memupuk Urus Tadbir Baik Dalam Masyarakat serta Muhibbah antara Rakyat dan Budaya pada Peringkat Antarabangsa' pada siri syarahan U-Thant ke-12 anjuran United Nations University (UNU) di Hotel Capitol Tokyo & Hotel Capitol Tokyo, di sini, semalam.

Terdahulu, dalam ucapan kira-kira 40 minit, Abdullah berkata, faktor utama ber-

“ *Kita juga sentiasa menggalakkan rakyat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

lakunya salah tanggapan terhadap Islam ialah kecenderungan mengandaikan bahawa sesuatu perlakuan ekstrim itu adalah perkara biasa.

Katanya, ini ditonjolkan dengan jelas kerana kumpulan pengganas al-Qaeda, yang terbabit dengan perbuatan membenci dan kemusnahan, disalah anggap sebagai mewakili semua umat Islam.

Beliau berkata, andaian itu adalah tidak benar kerana Islam mahukan keamanan wujud antara negara dan rakyat, selain mengutamakan toleransi antara agama serta budaya yang berbeza.

"Pengganas mesti dikaitkan kepada perbuatan ganasnya (individu atau kumpulan) dan bukan dengan yang lain. Barat dan Islam hendaklah menolak mereka (ekstremis) yang menggambarkan agama sebagai ibu kepada masalah politik di dunia ini.

"Jika ada sebarang agenda tersembunyi untuk mengawal dan menguasai, maka sikap prejudis dan permusuhan antara budaya Barat dan Islam ini tidak akan berakhir," katanya.

Perdana Menteri berkata, tanggapan kononnya Islam ialah agama antidemokratik dan pemodenan pula berlaku kerana kecenderungan pihak tertentu yang mengaitkan kemodenan dengan nilai Barat.